




**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
20 MEI 2021**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Kod Bidang Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh/ Masa &Tempat Lawatan Tapak
SH/ SUKNS/ BIL.9/ 2021	Kerja-Kerja Memasang Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) Di Bangunan Pentadbiran Kompleks Sukan Tan Sri Dato' Dr Hj Mohd Said, Seremban 2, Negeri Sembilan	120401 & 140501 & 140502 & 210105	RM30.00 setiap satu borang	<b>TIDAK WAJIB</b>  (Sebarang pertanyaan mengenai sebut harga ini boleh menghubungi <b>Encik Mohamad Shahril bin Mohd Haniff</b> di talian berikut <b>06-7659974</b> atau hadir ke <b>Unit Pengurusan Bangunan Dan Aset, Pejabat SUKNS</b> )

Dokumen sebut harga boleh dibeli pada waktu pejabat pada pukul **8.00am – 4.30pm** mulai **21 Mei 2021 hingga 27 Mei 2021** di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Syarikat dikehendaki membawa **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di nyatakan dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** semasa membeli dokumen sebut harga.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** sebelum atau pada pukul **12.00 tengah hari, 28 Mei 2021 (Jumaat)**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan.